Headline	TNB sumbang 13 van jenazah		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	6
ArticleSize	132 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,540		

6 setempat
RAMPAS WUKONG
RM80,000

MAJLIS penyerahan sumbangan van jenazah disempurnakan Menteri Kewangan II Datuk Johari Abdul Ghani merangkap Ahli Parlimen Titiwangsa (empat dari kanan) di Madrasatul Khairat, Kampung Pandan.

Kuala Lumpur

TNB sumbang 13 van jenazah

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerahkan sumbangan 13 van jenazah bernilai RM1.6 juta pada tahun ini kepada madrasah seluruh negara bagi memenuhi tanggungjawab sosial syarikat itu kepada komuniti.

Usaha itu juga disifatkan sebagai saluran bagi menzahirkan keprihatinan TNB terhadap keperluan komuniti Islam setempat selain mempelbagaikan inisiatif tanggungjawab korporat sedia ada.

Naib Presiden Bahagian Pembahagian TNB Ir Datuk Ir Baharin Din berkata, sumbangan van jenazah menjadi pilihan pada tahun ini bagi menambah baik kemudahan madrasah dalam pengurusan jenazah.

"TNB sentiasa prihatin dengan permintaan dikemukakan orang ramai terutama penduduk di luar bandar. Kami juga menyumbang dalam bidang pendidikan, sukan, pemeliharaan alam sekitar dan lain-lain.

"Di Kuala Lumpur juga, TNB menyalurkan sumbangan kepada beberapa projek kemasyarakatan seperti projek Baiti Jannati atau Projek Mesra Rakyat, selain sumbangan kepada badan kebajikan wilayah ini," katanya.

Powered by: isentia